

28 JUL 1996

PENDEKATAN BARU PERLU ATASI MASALAH DADAH

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Peraturan yang mewajibkan bekas penagih dadah melaporkan diri di balai polis daerah yang berdekatan setelah dibebaskan dari Pusat Serenti dan Pusat Jagaan Lanjutan diharapkan dapat membantu kejayaan usaha pemulihan.

Naib Yang Dipertua Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Datuk Lee Lam Thye berkata usaha Kementerian Dalam Negeri mempertingkatkan program rawatan dan pemulihan penagih dadah yang dinyatakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini diharap dapat mengatasi masalah kes penagihan berulang.

Jumlah penagih berulang yang dikesan pada 1995 ialah 20,964 orang manakala penagih baru seramai 13,140 orang, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Bilangan penagih dadah yang dikesan mengikut Laporan Dadah 1995 yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Anti Dadah Kementerian Dalam Negeri adalah seramai 34,104 adalah paling tinggi sejak 1988.

Lee berkata jumlah keseluruhan ini merupakan peningkatan sebanyak 18.6 peratus berbanding 1994.

Katanya, melalau pendekatan baru, penagih dadah di pusat pemulihan akan dikategorikan mengikut kes mereka termasuk mengasingkan penagih yang dikenalpasti pembawa HIV positif.

Beliau berkata sejak 1984 hingga 1995, kerajaan membelanjakan lebih RM517 juta bagi menangani masalah dadah di negara ini tetapi masih belum mencapai kejayaan yang diharapkan.

-- BERNAMA

MS AHH